

# PANDUAN RASULULLAH SAW

## PUASA BULAN RAMADAN

Dalam puasa bulan Ramadan ini, umat Islam dilatih, dididik dan diuji bagaimana mestinya menahan nafsu, walaupun terhadap barang-barang dan perbuatan halal dan baik. Lebih lanjut tataplah huraianya yang kita sajikan dibawah ini –P.Q

Pada tahun Hijrah yang kedua, umat Islam telah diwajibkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* supaya berpuasa sebulan dalam bulan Ramadan pada tiap-tiap tahun, menurut dalilnya yang tersebut di dalam Qur'an

*Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū kutiba 'alaykum al-ṣiyamu kamā kutiba 'alā al-ladhīna min qablikum la'allakum tattaqūn. (184 al-Baqarah)*

Ertinya: “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu puasa, sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa.”

Jadi tujuannya menyuruh kita berpuasa ialah supaya kita bertakwa. Maksud bertakwa itu kita sudah maklum, iaitu berdisiplin menjalankan perintah Allah, dari perintah yang kecil sampai kepada perintah yang besar serta menjauhkan semua larangannya. Inilah yang sebenarnya daripada maksud tujuan berpuasa itu.

Lebih lanjut Tuhan terangkan dalam sambungan ayat tadi:

*Ayyāman ma'dūdāt faman kāna minkum mariḍān aw 'alā safarin fa'iddatu min ayyami ukhar wa 'alā al-ladhīna yaṭiqūnahu ta'amu miskīnin faman taṭawwa'a khairun fahuwā khaira lahū wa in taṣūmū khairu lakum in kuntum ta'lamūn.*

Ertinya: Iaitu beberapa hari yang tertentu, tetapi barang siapa dari antara kamu sakit atau dalam pelayaran,

maka wajib ia puasa beberapa hari yang ketinggalan iaitu pada hari-hari yang lain. Dan orang-orang yang berkuasa berpuasa tetapi dengan susah payah itu, (kerana tua dan sebagainya) kalau tidak puasa, wajib membayar fidyah, iaitu memberi makan seorang miskin, tetapi barangsiapa menderma lebih dengan sukanya sendiri maka iaitu baik bagi dirinya sendiri, dan puasa itu baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.”

Ayat di atas ni, adalah petunjuk besar bagi kita untuk mengetahui bahawa wajib puasa itu mengenai semua golongan, lelaki dan perempuan, orang merdeka, atau hamba abdi, dari segala bangsa, kecuali orang sakit, orang yang belayar, perempuan yang sedang menyusui anak, perempuan hamil, perempuan datang bulan. Yang tersebut tadi ialah golongan yang dibenarkan Tuhan, tidak berpuasa. Dalam pada itu ada yang mesti qada iaitu mengganti puasa dalam masa yang lain, dan yang diperintahkan membayar fidyah, iaitu memberi makan orang miskin pada tiap-tiap kali ia meninggalkan puasa itu.

Kedatangan bulan yang mulia ini, sentiasa disambut dengan gembira oleh kaum muslimin seluruh di dunia. Yang demikian menunjukkan bahawa kaum muslimin masih taat dan setia menerima dan menjalankan suruhan agamanya, walaupun

dalam suruhan itu, mengandungi pengorbanan yang besar, iaitu menahan kehendak nafsu yang kebanyakannya mengajak kepada kejahatan.

Dalam puasa bulan Ramadan ini, umat Islam dilatih, dididik dan diuji, bagaimana mesti menahan nafsu walau pun terhadap barang-barang dan perbuatan yang halal dan baik.

Kalau kita telah sanggup menahan diri dan kehendak nafsu terhadap barang-barang yang halal, maka tentulah mudah kita menahan kehendak nafsu terhadap barang-barang yang terlarang. Oleh sebab itulah, maka puasa itu dikatakan sebagai pensuci badan, dan puasa itu sebahagian dari sabar, seperti yang diterangkan oleh Rasulullah (SAW) dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah:

*Likulli shai'in zakātin wa zakātu al-jasadin al-ṣawmi wa alsiyāmu nisfal-ṣabr*

Ertinya: “Tiap-tiap sesuatu mempunyai pensuci, maka pensuci badan itu ialah puasa, dan puasa itu setengah daripada sabar.”

Daripada keterangan di atas tadi nyatalah bahawa puasa itu bukan semata-mata menahan lapar dan dahaga sepanjang siang hari, sedang perbuatan dan perkataan curang dilakukannya. Yang demikian ini, seakan-akan ia merobohkan bangunan yang telah didirikannya, kerana ia telah gugurkan sendi-sendi atau pokok puasa itu. Maka tidaklah ia mendapat dari puasanya selain daripada lapar dan dahaga sahaja, sebagaimana yang diterangkan oleh Nabi kita Muhammad (S) dalam hadisnya:

*Man lam yadam qawl al-zūr wa al-'amal bihi falaysa Allāh hājatan fi an yad 'i ta 'āmihi wa sharābihi. (al-Buḥārī wa Abu Dāwud).*

Ertinya: “Barangsiapa tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan curang, maka tidaklah Allāh berhajat kepada lapar dan dahaganya.”

Mengingat semua ini, maka hendaklah kita berpuasa dengan sebenar-benar puasa, iaitu selain daripada menahan lapar dan dahaga, dan juga kita mesti sanggup menahan diri daripada melakukan segala perbuatan yang terlarang, iaitu segala maksiat dan mungkar, dari yang besar sampai yang sekecil-kecilnya.

Dengan cara berpuasa seperti yang dinyatakan dalam hadis-hadis itulah baharu ada ertinya dan manfaatnya bagi kita kaum muslimin.

Selain daripada yang tersebut itu, ada pula tuntutan lain dalam puasa itu, iaitu hendaklah kita membanyakkan amal kebajikan, baik untuk diri sendiri atau untuk masyarakat.

Untuk diri sendiri, seperti beribadat pada waktu malam dengan mengerjakan sembahyang terawih, witir dan lain-lain ibadat lagi, dan untuk masyarakat iaitu bermurah hati bagi kebajikan umum, seperti berderma kepada badan-badan kebajikan, atau bersedekah kepada orang-orang yang berhajatkan bantuan, terutama kepada fakir miskin.

Semuanya ini adalah mencontohi perbuatan junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) dalam tiap-tiap bulan Ramadan.

Sekarang sayogialah difikirkan satu soal lagi, adakah hubungan puasa kita dengan perjuangan kita sekarang ini?

Ada yang nyata daripadanya ialah hendaklah kita memperhebat perhatian jiwa atau batin kita untuk menghadapi segala apa jua yang akan membahayakan bangsa kita dan negara kita. Sebab kalau batin kita kuat, maka tidaklah ada kekuasaan di dunia ini yang dapat menaklukkannya.

Mudah-mudahan dengan latihan puasa ini, jiwa kita bertambah kuat, bagi menghadapi segala macam ujian, sehingga kita keluar dari ujian itu menjadi bangsa yang terhormat dan mulia.

Bertimbang rasa kepada fakir miskin:

Bertimbang rasa kepada fakir miskin itu, ialah salah satu daripada hikmah puasa. Tujuan puasa yang sebenarnya ialah supaya kita berbakti. Dan berbakti itu ialah tetap mengerjakan perintah Allah azza wa jalla dan menjauhkan larangannya.

Kerugian orang yang tidak berpuasa:

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan lainnya ada dijelaskan bagaimana ruginya orang yang membuka puasa dengan tidak bersebab.

*Man aftara yawman min ramadhāni min ghairi rukhṣati walā maridan lam yaqḍahu ṣawman al-dahru kulluhu.*

Ertinya: “Barangsiapa berbuka puasa satu hari dari bulan Ramadan dengan tidak ada halangan dan sakit, nescaya tidaklah dapat ditebus dengan puasa seumur hidup.”

Memperhatikan maksud hadis ini, kita merasa sedih memikirkan saudara-saudara kita yang mengaku menjadi orang Islam, padahal sehari pun ia tidak pernah puasa, dengan tidak ada uzur shar‘i, yakni halangan yang dibenarkan oleh agama, yang dapat digunakan di hadapan Tuhan Rab al-‘ālamīn, pada hari yang tidak ada penolong lain dari amalan sendiri. Alangkah besar dosa mereka, dan dosanya itu tidak dapat ditebus dengan puasanya sendiri seumur hidup, apa lagi oleh puasa orang lain.

Lebih menyedihkan lagi saudara-saudara kita yang sengaja menipu diri sendiri iaitu ia mengaku puasa di hadapan orang yang disegani, pada hal sebenarnya ia tidak puasa. Seakan-akan puasa itu ia jadikan permainan. Tidakkah ia sedar bahawa Allāh mengetahui perbuatan curangnya itu? Dan bagaimanakah nanti waktu ia berhadapan dengan Tuhan, dan kecurangannya itu disaksikan oleh anggota badannya?

Kebahagiaan orang yang berpuasa:

Kebahagiaan orang yang berpasa telah dijelaskan oleh Rasulullah (SAW) di dalam hadis riwayat Bukhāri dan Muslim:

*Li al-sāimi farhatāni yufarahhumā, idha iftara farḥun bi fiṭrihi, wa idh laqiya rabbahu farḥun bi sawmihi.*

Maksudnya: Orang yang berpuasa itu mendapat dua kegembiraan: pertama, waktu berbuka puasa, dan kedua waktu mengadap Tuhan.

Darjat orang yang berpuasa:

Oleh kerana keadaan manusia berdarjat dan bertingkat dalam ilmu pengetahuan dan kedudukannya, maka begitu juga keadaannya dalam menghadapi perintahan agama, umpamanya perintah puasa. Sungguhpun puasa itu mengandungi perintahan yang sama pada zahirnya, yakni menahan lapar dan dahaga, tetapi diterima oleh manusia dan dikerjakannya adalah bermacam-macam dan bertingkat-tingkat. Begitu pula faedah yang dirasakan dan dikecap oleh manusia demikian juga.

Sebelum diterangkan beberapa tingkatan manusia dalam menghadapi puasa Ramadan, lebih dahulu eloklah dibawakan beberapa hadis Nabi (SAW), bagi meneguhkan iman di dalam mengerjakan puasa, dan sebagai pengukur setakat mana darjat kita berpuasa.

Di dalam Hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim ada diterangkan:

*Kullu ‘amalin ibnu Ādamu lahu illā al-ṣawmi fa innahu li wa anā ajzī bihi, wa al-ṣiyāmi jannati fa idhā kāna yawmu sawmin aḥadakum falā yarfaṭhu walā yaṣkhabu fainna sābahu ahadan aw qātalahu falyaqul inni ṣā‘imin.*

Ertinya: “Tiap-tiap amal manusia itu untuk dirinya sendiri kecuali puasa. Sesungguhnya puasa

itu pedinding, oleh itu apabila salah seorang daripada kamu sedang berpuasa pada hari itu, maka janganlah ia berbuat jahat dan jangan membuat gaduh. Jika ia dimaki orang atau diajak berkelahi hendaklah ia berkata: Sesungguhnya saya puasa! Sesungguhnya saya puasa!

Lebih lanjut dalam riwayat Ibnu Huzaimah ada tersebut:

*Yad'u al-ta'āmu min ajli wa yad'u al-sharābi min ajli wa yad'u laẓatihi min ajli wa yad'u ẓaujatihi min ajli.*

Ertinya: “Orang yang berpuasa itu meninggalkan makan kerana-Ku, dan meninggalkan minum kerana-Ku, dan meninggalkan kesenangan kerana-Ku, dan meninggalkan bercampur dengan isterinya kerana-Ku.”

Elok rasanya hadis-hadis ini difahami tujuannya.

Puasa itu untuk Allah dan ia yang akan memberikan pahalanya. Puasa itu menjadi pendinding atau penghalang daripada melakukan kejahatan.

Dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Buhari, Muslim, Abū Dawud dan al-Nasā’i, bahawa Rasulullah (SAW) bersabda:

*Man sāma ramaḍāna imānan wa-iḥtisāban ghufira lahū mātaqaddama min dhanbihi.*

Ertinya: “Barang siapa puasa Ramadan kerana iman dan mengharapkan pahala nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.”

Dalam hadis ini ada satu galakan supaya kita berpuasa kerana iman dan mengharapkan pahala, bukannya turunan-turunan atau mengharapkan pujian orang. Sebab puasa yang dapat keampunan itu ialah yang dikerjakan kerana iman dan mengharapkan pahala.

Puasa itu sebenarnya tidak bertingkat-tingkat, hanya orang yang mengerjakannya kedapatan bertingkat-tingkat dan berdarjat-darjat.

Tingkatan pertama ialah orang-orang yang masih rendah

pengetahuannya. Mereka berpuasa hanya sekadar menahan makan minum, atau menahan lapar dan dahaga, menahan diri dari segala yang membatalkan puasa. Selain daripada itu, mereka tidak memerhatikan lagi lain-lain maksud tujuan puasa.

Tingkatan kedua, iaitu golongan yang berpuasa, selain daripada menunaikan puasa sebagaimana golongan tingkatan pertama, mereka juga menahan seluruh anggota badannya. Lidahnya dipelihara daripada mengumpat, mata dan telinganya dijaga daripada melihat dan mendengar perkara-perkara yang terlarang. Begitu juga lain-lain anggota badannya.

Tingkatan ketiga, ialah golongan yang tinggi, mereka memelihara akal fikirannya daripada yang sia-sia, dan menahan hatinya daripada gangguan was-was dan yang meragu-ragukan. Oleh itu mereka membanyakkan zikir mengingat Allah dengan jalan mengaji, berzikir, sembahyang dan sebagainya, dan tidak mahu mereka membuang masa bagi pekerjaan-pekerjaan yang sia-sia.

Maka tingkah yang tinggi daripada tujuan puasa itu, iaitu dapat menahan hati daripada gangguan was-was yang ditiupkan oleh syaitan ke dalam hati, atau perkataan yang diperdengarkan oleh manusia kepadanya dan berkesan di dalam hatinya, sehingga fikiran yang boleh menjadi pecah dan maksud yang kuat menjadi lemah, niat yang suci menjadi kotor, hati yang berani menjadi penakut.

Was-was itu boleh memesonkan perbuatan yang baik kepada jahat. Was-was bukan hanya dalam sembahyang, tetapi mengenai segala niat dan perbuatan yang baik. Niat yang kuat dan bulat pada mencari kebaikan agama dan dunia, dan kebaikan umat Islam, boleh berubah oleh sebab was-was yang didatangkan manusia.

Was-was fikiran dan hati itu, kerap kali datangnya disebabkan berita atau percakapan yang di dengar, maka

(sambungan pada muka 42)

orang alim ulama supaya mau memberi masa dan memberi peluangnya menjumpai mereka itu. Pihak kita bersedia memberikan bantuan-bantuan menyertai rombongan ulama itu merata-rata ke tanah air dan akan memberikan kenderaan untuk perjalanannya dengan belanja kenderaan itu ditanggung oleh pihak kita. Kita akan bersedia memberi masa selamanya sebulan untuk rancangan itu.

Di dalam menjalankan usaha-usaha ini mustahak diingat bahawa alim ulama itu mesti memerhatikan bahawa yang kita hadapi sekarang adalah perkara yang sangat besar, perkara yang berat yang tidak akan terpikul oleh seseorang berdua. Ia hanya akan terpikul oleh bersama dan kerana itulah perlu merancang rancangan-rancangan itu bersama dan dijalankan bersama-sama. Masalahnya besar dan kewajipan untuk menghadapi masalah itu, pada pendapat kita, sangat besar. Dengan itu, hendaklah ulama-ulama melupakan atau meninggalkan perkara-perkara perselisihan yang terbit di antara kita terutamanya di dalam masalah khilafiah itu.

Kita wajib ingat, melihat kepada keadaan-keadaan yang makin sehari makin rosak ini bahawa kita khususnya alim ulama akan ditanya nanti oleh Allah apakah yang telah dibuat mereka dan apakah yang telah dilakukan mereka menghadapi keadaan-keadaan yang kucar kacir masa ini. Kita akan ditanya apakah yang telah kita buat dan apakah yang telah kita lakukan dan apakah tanggungjawab kita sebagai pemimpin umat, orang yang ditanggungjawabkan memimpin umat, yang telah dibuat mereka untuk memperbaiki masyarakat yang kucar kacir itu.

Kita letakkan peringatan semata mata dengan tulus ikhlas supaya ada di antara alim ulama yang kenal atau yang mengenal banyak ulama di Persekutuan Tanah Melayu ini memulakan langkahnya untuk tujuan-tujuan tersebut kita berseorangan sudah tentu tidak akan dapat melaksanakan satu-satu kerja yang berkesan kepada masyarakat. Sebab itu wahai ḥaḍrat al-fāḍil alim ulama di seluruh Tanah Melayu kita meminta perhatian hal-hal

yang tersebut ini dengan berat dan apabila alim ulama tidak mahu memulakan segala langkah-langkah yang berfaedah dan sangat dijajah itu maka sudah tentu tenaga-tenaga yang ada di belakang yang terdiri menjadi tiang masyarakat yang masih mempunyai jiwa Islam yang bersinar di dalamnya tidak akan dapat dikumpulkan untuk menjalankan tugas yang diaturkan oleh alim ulama sekalian.

Sesungguhnya perkara ini telah kita cakap-cakapkan kepada alim ulama di utara Tanah Melayu dan mudah mudahan beliau-beliau yang telah kami jumpai itu akan memulakan langkahnya menjalankan kerja dengan segera untuk bersama berjalan merata-rata ke Tanah Melayu membentangkan keadaan-keadaan yang terjadi dalam masyarakat kita dan meminta fikiran kepada ulama-ulama itu apakah yang wajib dibuat dan meminta kerjasama untuk menghadapi keadaan-keadaan yang berat masa sekarang.

(Sambungan dari muka 16)

di antaranya ada yang menimbulkan was-was hati atau sangkaan-sangkaan yang tidak baik, atau putus asa. Sedang berputus asa itu terlarang dan boleh membawa kepada kufur.

Oleh kerana sangat mustahak memelihara hati dan fikiran daripada was-was yang boleh merosakkan iman dan keyakinan, maka Allah azzaa wajalla perintahkan umat Islam supaya berlindung kepadanya daripada segala macam was-was, seperti yang tersebut di dalam Surah al-Nās:

*Qul a'udhu bi rabbi al-nās. Māliki al-nās. Ilāhi al-nās. Min sharri al-waswāsi al-khannās. al-lāḍhi yuwaswisu fī sudūri al-nās. Min al-jannati wa al-nās.*

Ertinya: “Katakanlah: Aku berlindung kepada Tuhan pemelihara sekalian manusia. Raja sekalian manusia. Tuhan sekalian manusia. Dari kejahatan was-was syaitan pembisik yang menunggu-nunggu kesempatan, yang membisik-bisikkan ke dalam dada manusia. Dari jin dan manusia.

Mudah-mudahan kita semua berjaya menempuh ujian puasa bulan Ramadan yang berbahagia ini dengan selamatnya.